Soalan 14 – 17 *berdasarkan pantun di bawah ini.*

PANTUN BUDI

1 Tenang-tenang air di laut,
Sampan kolek mudik ke tanjung;
Hati terkenang mulut menyebut,
Budi yang baik rasa nak junjung.

2 Yang kurik kundi,
Yang merah saga;
Yang baik budi,
Yang indah bahasa.

3 Bunga melati bunga di darat,
Bunga seroja di tepi kali;
Hina besi kerana karat,
Hina manusia tidak berbudi.

4 Bunga cina di atas batu,
Jatuh daunnya ke dalam ruang;
Adat dunia memang begitu,
Sebab emas budi terbuang.

5 Anak beruk di tepi pantai,
Pandai melompat pandai berlari;
Biar buruk kain dipakai,
Asal hidup pandai berbudi.

6 Tingkap papan kayu bersegi,
Sampan sakat di Pulau Angsa;
Indah tampan kerana budi,
Tinggi bangsa kerana bahasa.

7 Padang Temu padang baiduri,
Tempat raja membangun kota;
Bijak bertemu dengan jauhari,
Bagai cincin dengan permata.

Dipetik daripada antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*,
Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia

14 Hina manusia tidak berbudi

Apakah maksud baris ayat di atas?

A Orang yang hina dan tiada budi bahasa.
B Orang yang berbudi bahasa akan dipandang hina.
C Orang yang menghina manusia tidak berbudi bahasa.
D Orang yang tidak berbudi bahasa akan dipandang hina.

15 Yang berikut ialah unsur alam yang terdapat dalam pantun tersebut, **kecuali**

A laut.
B batu.
C sampan.
D tanjung.

16 Berdasarkan **rangkap kelima** "Pantun Budi", pemantun menyatakan bahawa biarlah kita hidup miskin asalkan

A kita pandai menagih budi.
B kita pandai berbudi bahasa.
C kita bijak memilih pakaian.
D kita bijak menguruskan hidup.

17 Berdasarkan pantun tersebut, yang manakah benar tentang lumrah hidup di dunia ini?

A Martabat bangsa dinilai dari segi bahasa dan pertuturan.
B Kekayaan lebih diutamakan berbanding dengan budi bahasa.
C Orang yang miskin selalunya mengamalkan budi bahasa yang tinggi.
D Orang yang bijak haruslah bersama-sama dengan orang yang setaraf dengannya.

LIVEWORKSHEETS

Soalan 18 – 20 *berdasarkan petikan cerpen di bawah ini.*

Dari ban berturap tanah merah, Alif melangkah menyusuri permatang sawah. But getah yang dipakainya basah oleh embun. Dalam dingin yang mencengkam, dia merasai nikmat yang sukar diterjemah dengan bahasa kata. Puas, tetapi jauh di sudut hati, dia terasa diri amat kerdil berada di tengah *petak emas* yang amat bernilai ini.

Inilah hasilnya jika kita berbudi kepada tanah. Ujaran abahnya masih terngiang-ngiang di telinga. Dia cuba memutar pita ingatan semula. Lebih setahun lalu, petak emas ini membuak dengan rasa geram, marah dan dendam yang berkacuh dengan air mata pilu dan jiwa yang luka berdarah. Dia sangka dia sudah mengalah ketika itu. Dia hampir mahu angkat bendera putih. Apatah lagi kala melihat air mata yang luruh daripada mata layu emak.

"Apa yang nak dipertahankan sangat tanah tu? Semua orang dah setuju. Dia seorang saja yang tak beri kata putus. Budak ini memang nak menyusahkan orang!"

Abang Man bersuara lantang. Beberapa orang lain kelihatan ikut terangguk-angguk dan bersemangat.

Anjung rumahnya jadi ruang perbicaraan. Dia berusaha menenangkan hati yang terasa seperti mahu luruh. Emak kelihatan bersusah payah berusaha menjadi hakim yang adil. Tetapi dia tidak tahu sejauh mana emak dapat terus bertahan.

Dipetik daripada cerpen "Menuai Emas",
antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2
Kementerian Pendidikan Malaysia

18 Maksud rangkai kata *petak emas* ialah

A jongkong emas.
B tapak perumahan.
C tanah sawah padi.
D tempat harta karun.

19 Antara yang berikut, yang manakah merupakan kejadian yang diimbas semula oleh Alif?

A Abang Man memberikan nasihat yang baik kepada Alif.
B Alif hampir berputus asa untuk mempertahankan tanah tersebut.
C Arwah ayah Alif pernah menasihatinya supaya berbudi kepada tanah.
D Emak Alif menjadi hakim dalam perbicaraan antara Alif dengan penduduk kampung.

20 Pilih latar masyarakat yang terdapat dalam petikan cerpen di atas.

A Masyarakat petani
B Masyarakat yang berilmu
C Masyarakat yang berhemah tinggi
D Masyarakat yang mempunyai nilai kepemimpinan

LIVEWORKSHEETS